



Pemantauan menyeluruh akan dibuat bagi mengenal pasti impak kerja tambakan, khususnya kesan terhadap habitat hidupan laut dan nelayan setempat”

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Projek penambakan laut di pesisir Pantai Jerejak menjejaskan tangkapan nelayan setempat.

Pasukan khas teliti kerja tambak laut

BH. 9/10/2017, ms. 13

➔ Ambil tindakan jika projek tak patuh keselamatan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzami@bh.com.my

Georgetown

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menghantar pasukan khas untuk meneliti kerja tambakan laut di pesisir Pantai Jerejak di

sini yang didakwa gagal mematuhi aspek keselamatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata ia sebagai langkah awal bagi mengenal pasti tindakan lanjut yang boleh diambil sekiranya projek terbabit terbukti gagal mematuhi aspek berkenaan.

Selain itu, katanya, pemantauan menyeluruh akan dibuat bagi mengenal pasti impak kerja tambakan, khususnya kesan terhadap habitat hidupan laut dan nelayan setempat.

“Kita akan kaji situasi sebenar sebelum merangka tindakan lanjut yang boleh diambil ke atas pemaju atau kerajaan negeri sekiranya kerja tambakan itu gagal mematuhi aspek keselamatan.



Projek tambak laut pesisir Pantai Jerejak

- ➔ Kawasan tambakan berkeluasan 24 hektar
- ➔ Diluluskan kerajaan negeri November 2015
- ➔ Dikatakan bagi tujuan pembinaan projek bercampur, termasuk velodrome pertama di Pulau Pinang

takan gagal mematuhi aspek keselamatan.

Situasi berkenaan menyebabkan nelayan sukar menangkap hidupan laut, selain risiko kemalangan bot dan pukak tersangkut di tapak tambakan terbabit.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, menampelak kerajaan negeri yang gagal membela nasib nelayan di kawasan itu.

Katanya, situasi berkenaan memberi gambaran jelas bahawa kerajaan negeri tidak serius membantu golongan terbabit yang terdedah kepada pelbagai risiko susulan kerja tambakan.

“Soal keselamatan bukan boleh dikompromi, tambahan pula ia bukan sahaja menjejaskan nelayan, sebaliknya turut memberi impak kepada industri perikanan negara. Ini juga menunjukkan kerajaan negeri tidak mesra nelayan.

“Justeru, LKIM akan menghantar memorandum bantahan berhubung perkara ini kepada kerajaan negeri, selain bercadang melawat nelayan yang terjejas akibat kerja tambakan laut di Pantai Jerejak dalam masa terdekat,” katanya.

Kemalangan bot

“Ya memberi risiko sangat besar terhadap nelayan yang melalui atau menangkap hasil di kawasan terbabit. Malah, difahamkan sudah ada kemalangan bot di situ,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Jumaat lalu, kerajaan negeri didakwa tidak bertanggungjawab apabila melengahkan penyelesaian beberapa masalah dihadapi nelayan susulan kerja tambakan laut di kawasan itu yang dika-

